



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

24 OGOS 2021

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **3,376 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **127,806 kes**. Sebanyak 17 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu enam (6) kes di Sandakan, empat (4) kes di Tawau, masing-masing dua (2) kes di Kota Kinabalu dan Kinabatangan manakala Semporna, Sipitang dan Tambunan mencatatkan satu (1) kes kematian. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 830 menjadikan jumlah kumulatif 99,604 orang. Seramai 4,705 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,385 orang di hospital, 3,289 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 18 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala 13 orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 195 orang dan 79 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah (3,376) kes iaitu peningkatan sebanyak (+902) kes berbanding (2,474) kes yang dicatatkan semalam (23 Ogos 2021).
- b. Hari ini kes baharu di Sabah naik mendadak sebanyak (902) kes berbanding semalam. Jumlah kes hari ini ialah (3,376) kes.
- c. Kes di Daerah Tuaran naik (+262) kepada (438) kes hari ini, Kota Kinabalu (741) kes, Penampang (335) kes, Papar (257) kes, Sandakan (209) kes, Tawau (179) kes, Sipitang (146) kes, Putatan (134) kes, Lahad Datu (132) kes, Keningau (126) kes, Beaufort (122) kes dan Kinabatangan (107) kes.
- d. (430) kes atau 12.7% adalah kes daftar lewat melebihi 5 hari, (414) kes atau 12.3% adalah keputusan saringan yang didaftar lewat antara 4 hingga 5 hari dan (1,286) kes atau 38.1% adalah kes positif yang lewat didaftar antara 2 hingga 3 hari.
- e. (2,094) kes atau 62% adalah daripada Saringan Kontak Rapat, (784) kes atau 23.2% adalah daripada Saringan Bergejala dan (164) kes atau 4.9% adalah daripada Saringan Kluster.
- f. Sejumlah (3,316) kes atau 98.2% adalah daripada Kategori 1 dan Kategori 2 dengan pecahan sebanyak (1,210) kes dan Kategori 2 sebanyak (2,106) kes, (7) orang dalam Kategori 3, seorang (1) dalam Kategori 4 dan (10) orang dalam Kategori 5.
- g. Hampir 65% daripada mereka yang dijangkiti adalah mereka yang terdiri daripada golongan umur 17 hingga 59 tahun, 19% atau (639) yang dijangkiti terdiri daripada umur 6 hingga 17 tahun, (296) atau 8.8% yang dijangkiti terdiri daripada golongan umur antara 1 hingga 5 tahun dan (227) kes dijangkiti atau 6.7% terdiri daripada mereka yang berumur 60 tahun ke atas.

- h. Sehingga semalam (23 Ogos 2021), 53.3% penduduk dewasa Sabah telahpun memperolehi satu dos vaksin dan 31.4% telah pun melengkapkan pengambilan 2 dos.
- i. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (2,094) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	164	4.86%
2	Bergejala	783	23.19%
3	Kontak	2,094	62.03%
4	Bersasar	152	4.50%
5	Lain-lain	183	5.42%
<b>JUMLAH</b>		<b>3,376</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (23 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 23/08/2021	Catatan Kes 24/08/2021	Perbandingan
1	Tuaran	176	438	+262
2	Penampang	204	335	+131
3	Sipitang	21	146	+125
4	Kinabatangan	15	107	+92
5	Putatan	56	134	+78
6	Papar	181	257	+76
7	Kota Kinabalu	671	741	+70
8	Beaufort	68	122	+54
9	Telupid	15	55	+40
10	Sandakan	185	209	+24
11	Kota Belud	59	77	+18
12	Tongod	38	54	+16
13	Keningau	113	126	+13
14	Kota Marudu	46	58	+12
15	Kunak	18	25	+7
16	Pitas	11	16	+5
17	Kuala Penyu	3	7	+4
18	Lahad Datu	132	132	Kekal
19	Beluran	64	23	-41
20	Kudat	44	21	-23
21	Kalabakan	29	7	-22
22	Tawau	196	179	-17
23	Nabawan	34	24	-10
24	Tambunan	17	12	-5
25	Tenom	26	23	-3
26	Semporna	8	6	-2
27	Ranau	44	42	-2
<b>JUMLAH</b>		<b>2,474</b>	<b>3,376</b>	<b>+902</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (10 Ogos - 23 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	444	257	1	39	741	7,093
Tuaran	0	366	50	6	16	438	2,445
Penampang	0	163	113	0	59	335	3,227
Papar	0	235	19	0	3	257	1,435
Sandakan	1	96	88	3	21	209	2,316
Tawau	0	101	59	6	13	179	3,133
Sipitang	2	17	7	119	1	146	876
Putatan	0	103	29	0	2	134	874
Lahad Datu	65	52	12	0	3	132	1,070
Keningau	0	93	29	0	4	126	1,490
Beaufort	0	99	21	0	2	122	728
Kinabatangan	73	22	12	0	0	107	752
Kota Belud	0	59	17	0	1	77	952
Kota Marudu	0	52	3	0	3	58	486
Telupid	2	42	8	2	1	55	422
Tongod	21	31	2	0	0	54	406
Ranau	0	28	12	0	2	42	478
Kunak	0	3	8	13	1	25	257
Nabawan	0	24	0	0	0	24	228
Beluran	0	19	1	2	1	23	584
Tenom	0	17	5	0	1	23	382
Kudat	0	11	5	0	5	21	247
Pitas	0	11	5	0	0	16	211
Tambunan	0	2	10	0	0	12	174
Kalabakan	0	0	5	0	2	7	334
Kuala Penyu	0	4	3	0	0	7	123
Semporna	0	0	3	0	3	6	129
<b>JUMLAH</b>	<b>164</b>	<b>2,094</b>	<b>783</b>	<b>152</b>	<b>183</b>	<b>3,376</b>	<b>30,852</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Daerah</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Jumlah Kes Baharu</b>
Sipitang	Kluster Kampung Melamam	2
Sandakan	Kluster Lebuh Empat	1
Tongod	Kluster Jalan Corak	1
	Kluster Kampung Penangah	20
Lahad Datu	Kluster Cantawan	39
	Kluster Sawit Baiduri	11
	Kluster Segama Batu 1	15
Kinabatangan	Kluster Pauh	5
	Kluster Sungai Pin 3	52
	Kluster Tangkuyan	15
	Kluster Tinabau	1
Telupid	Kluster Gambaron 2	2
<b>JUMLAH</b>		<b>164</b>

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Sungai Pin 3 - Kinabatangan** adalah kluster tempat kerja iaitu di sebuah ladang sawit di Mukim Sukau, Kinabatangan. Kes indeks merupakan pekerja ladang, wanita, 51, yang bergejala sejak 27 Julai 2021, disahkan positif COVID-19 di Klinik Kesihatan Batu Putih, Kinabatangan pada 09 Ogos 2021. Kes indeks telah dirujuk ke Hospital Kinabatangan untuk rawatan lanjut setelah keputusan saringan RTK-AG menunjukkan positif dengan grading 100%. Aktiviti persampelan terhadap 83 kontak mendapati 55 daripadanya dikesan positif termasuk 52 kes baharu yang dilaporkan hari ini meliputi kontak pekerja dan tanggungan. Siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan untuk menilai sebarang jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada pekerja ladang berdekatan yang lain.

7 Jumlah kapasiti katil 6,854 unit

- Hospital 1,432 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,750 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 68.46%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 24 OGOS 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	3,350
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	15
Orang Dalam Tahanan /Banduan	11
<b>Jumlah</b>	<b>3,376</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	3
WP Kuala Lumpur	3
Perak	3
Johor	2
Melaka	1
Pahang	1
Sarawak	1
Kelantan	1
<b>Jumlah</b>	<b>15</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	2,942
Bukan Malaysia	434
<b>Jumlah</b>	<b>3,376</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	964
Belum Menerima Vaksin	1,136
Menerima 1 Dos	659
Lengkap 2 Dos	617
<b>Jumlah</b>	<b>3,376</b>

iv. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	29
1 to 5	296
6 to 17	639
18 to 59	2,185
>60	227
<b>Jumlah</b>	<b>3,376</b>

**C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 24 Ogos 2021)</b>
1	Tawau	30
2	Kota Kinabalu	20
3	Kota Belud	15
4	Tuaran	10
5	Beluran	6
6	Penampang	5
7	Sipitang	5
8	Keningau	3
9	Kota Marudu	3
10	Ranau	3
11	Beaufort	2
12	Kinabatangan	2
13	Kudat	2
14	Lahad Datu	2
15	Papar	2
16	Putatan	2
17	Sandakan	1
18	Tambunan	1
19	Telupid	1
20	Tenom	1
<b>JUMLAH</b>		<b>116</b>

## D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Dua (2) lokaliti di Tawau <ul style="list-style-type: none"><li>• Kampung Sentosa Blok 4</li><li>• Batu 2 Lorong Saddani</li></ul>		
2.	Dua (2) lokaliti di Kota Belud <ul style="list-style-type: none"><li>• Kampung Sayap</li><li>• Kampung</li></ul>	26 Ogos 2021	8 September 2021
3.	Kuarters Kilang Mee Tien Hock, Penampang		
4.	Taman Sri Panglima, Beaufort		

## E PELANJUTAN PKPD

Berdasarkan analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta *trend* jangkitan COVID-19, beberapa PKPD yang akan dilanjutkan seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Kampung Pulau Penampang, Kota Kinabalu	25 Ogos 2021	Dilanjutkan dari 26 Ogos

2.	Dua (2) lokaliti di Kota Kinabalu <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Gudon, Menggatal</li> <li>• Kampung Lobou</li> </ul>		2021 sehingga 8 September 2021
3.	Kampung Menunggui, Kota Belud		
4.	Kampung Tengah, Kinarut, Papar		
5.	Kampung Timbua-Kembiroi-Lobou Baru, Ranau		

## F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Lima (5) lokaliti di Kota Kinabalu <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bandar Siera</li> <li>• Kampung Kalasan</li> <li>• Bandaran Segama</li> <li>• Taman Bukit Setia</li> <li>• Taman Putrajaya</li> </ul>	29 Julai 2021	
2.	Kuater Kilang J&L Jalan Kokol, Kota Kinabalu		

3.	Kampung Petagas, Putatan	12 Ogos 2021	Ditamatkan pada 25 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
4.	Kampung Pogunon, Penampang		
5.	Kampung Batu 1, Sipitang		
6.	Kampung Bukit Kukusan, Tawau		
7.	Kampung Batu-batu, Tenom		
8.	Kampung Tempasuk, Kota Belud	1 Ogos 2021	Ditamatkan pada 25 Ogos 2021, lebih awal dari yang dijadualkan (28 Ogos 2021)
7.	Kampung Tambulaung, Kota Belud	17 Ogos 2021	Ditamatkan pada 25 Ogos 2021, lebih awal dari yang dijadualkan
8.	Kampung Tagibang, Kota Marudu	3 Ogos 2021	(30 Ogos 2021)

## G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.

- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **16,569** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,423,763 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **27,861** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 818,436 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 9,620 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,533,575 (Mysejahtera 1,451,885 : Laman Web 81,347 : Talian Vaksinasi 343) bersamaan 55.6%.

## **H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **458,064** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 176 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 29,767 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 167 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 55 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 16 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Tiga (3) Orang : Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - 10 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
  - Dua (2) Orang : Individu Gagal Memastikan Penjarakan Fizikal
  - Satu (1) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 70 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 33 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Perhutanan Sabah 1968.

4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 993 premis perniagaan dan penjaja telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii Sebanyak empat (4) notis dikeluarkan. Tiga (3) di daerah Penampang dan satu (1) di daerah Kinabatangan.
  - iii Tiada kompaun di keluarkan pada hari ini.
  - iv Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 173 premis perniagaan dan 711 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 266 Premis Perniagaan melibatkan 162 anggota APM. Sebanyak 16 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan yang tidak mengikuti SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 161 anggota di 195 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 13 premis, melibatkan 10 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 260 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 93 hebahan di seluruh Sabah.

**J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kudat	96%
2	Tuaran	96%
3	Beaufort	96%
4	Kunak	96%
5	Kinabatangan	96%
6	Semporna	95.5%
7	Tenom	95.5%
8	Kota Belud	95.5%
9	Sipitang	95.5%
10	Kota Marudu	95.5%
11	Penampang	95%
12	Ranau	95%
13	Papar	95%
14	Kota Kinabalu	95%
15	Tawau	95%
16	Sandakan	95%
17	Beluran	95%
18	Lahad Datu	94%
19	Keningau	94%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**